

FOMCA pantau harga ketika GST

KUALA LUMPUR – Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) akan memantau harga barangan keperluan asas apabila Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan pada 1 April ini.



Presidennya, Datuk Dr. Marimuthu Nadason (**gambar kecil**) berkata, adalah menjadi tugas pertubuhan itu untuk memantau harga seperti barangan keperluan asas yang akan memberi kesan kepada pengguna.

“Kami akan memerhatikan perkara asas seperti yuran tuisyen, tambang bas sekolah, pengangkutan awam dan keperluan asas seperti sayur-sayuran dan ayam yang memberi kesan kepada pengguna.

“Bagaimanapun, kamu tidak boleh mengharapkan kami untuk memantau setiap



FOMCA akan memantau barangan asas yang dijual menjelang pelaksanaan GST bermula 1 April ini. – Gambar hiasan

item, hanya barangan keperluan asas,” kata beliau kepada pemberita pada majlis pelancaran Pertandingan Kepenggunaan untuk Hari Pengguna Malaysia (HPM) 2015 dekat sini semalam.

FOMCA juga akan memberikan maklum balas kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebaik sahaja GST sebanyak enam peratus dilaksanakan

menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan berjumlah 16 peratus.

Marimuthu berkata, FOMCA akan memantau barangan bebas cukai dan sektor perkhidmatan bagi mengelakkan penyalahgunaan GST.

Beliau berkata, GST adalah suatu kutipan cukai yang bukan sahaja dilaksanakan di Malaysia tetapi di 160 negara yang telah mengguna pakai sistem ini.

“Kerajaan perlu mengutip dana, jika tidak bagaimana hendak menaik taraf jalan raya dan sebagainya? Bagaimanapun, kami menjangkakan dari April hingga Julai, rakyat akan menjadi sedikit kelam-kabut,” kata beliau.

Pertandingan Kepenggunaan direkodkan oleh *Malaysia Book of Records* sebagai penyertaan terbanyak pada tahun 2010 dan tahun lepas dengan 129,509 penyertaan.

Pertandingan pada tahun ini menawarkan jumlah hadiah RM250,000.

– Bernama